



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH**  
**IRSYAD AL-FATWA**

**PERMASALAHAN IBADAH KORBAN**

**SOALAN 1:** *Bolehkah seekor lembu korban dibahagi kepada 8 bahagian supaya satu bahagian dikhususkan untuk penyembelih dan petugas yang mengurus penyembelihan korban?*

Seekor lembu korban tidak sah untuk dibahagikan kepada 8 bahagian kerana hukum Syarak hanya menetapkan bagi seekor lembu korban iaitu 7 bahagian sahaja. Ini berdasarkan hadis Nabi ﷺ riwayat Jabir رضي الله عنه:

خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ مُهْلِينَ بِالْحَجِّ: فَأَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَنْ نَشْتَرِكَ فِي الْإِبِلِ وَالْبَقَرِ،  
كُلُّ سَبْعَةٍ مِنَّا فِي بَدَنَةٍ.<sup>1</sup>

Maksudnya: Kami keluar bersama Rasulullah ﷺ dalam keadaan berihram haji lalu Baginda menyuruh kami bersekutu dalam menyembelih korban unta dan lembu, **tujuh bahagian** korban dibahagi tujuh orang.

Oleh itu, Jawatankuasa Pengurusan Ibadah Korban tidak berhak menetapkan apa-apa terma dan syarat supaya peserta korban menyerahkan sebahagian daripada daging korban mereka kepada petugas / penyembelih (sebagai upah). Bagaimanapun, sekiranya terdapat dalam kalangan peserta korban dengan rela hati menyerahkan sebahagian daging korban mereka kepada petugas / penyembelih sebagai hadiah atau sedekah maka ia diharuskan.

**SOALAN 2:** *Bolehkah seekor lembu dengan 7 bahagian berkongsi antara aqiqah, korban dan semata-mata untuk dimakan?*

Diharuskan untuk berkongsi 7 bahagian bagi seekor lembu untuk ketiga-tiga tujuan tersebut. Contohnya; 2 bahagian untuk aqiqah, 4 bahagian untuk ibadah korban dan baki 1 bahagian lagi untuk dimakan semata-mata samada oleh orang Islam atau bukan Islam.

**SOALAN 3: *Bolehkah orang bukan Islam menerima agihan daging korban?***

Orang bukan Islam tidak boleh menerima agihan daging korban kerana ia dikhususkan untuk orang Islam sahaja dan ibadah korban lebih bersifat *ta'abbudi*. Pengagih daging korban hendaklah melaksanakan dengan penuh amanah dalam menguruskan agihan daging tersebut. Jika terdapat daging korban yang sampai kepada orang bukan Islam di luar pengetahuan pemilik korban, maka ia dimaafkan. Namun jika pemilik korban mengetahui tentang hal tersebut maka anggaran daging korban yang diterima oleh orang bukan Islam itu hendaklah diganti mengikut kadar yang diterima.

**SOALAN 4: *Seseorang membeli daging di pasar sebanyak beberapa kilogram (berdasarkan nisbah 1 bahagian) untuk dijadikan ibadah korban. Adakah sah korban tersebut?***

Kaedah tersebut **tidak sah** kerana ibadah korban tertakluk kepada tatacara khusus yang telah ditetapkan oleh syariat antaranya:

- (a) Niat untuk mentaqarrubkan diri kepada Allah ﷻ. Waktu niat korban adalah semasa menyembelih atau semasa membeli ternakan korban.
- (b) Memilih ternakan korban yang boleh dikongsi bahagiannya seperti unta, lembu dan kerbau jika ingin berkongsi tujuh orang. Manakala kambing atau biri-biri dikhususkan untuk seorang yang mewakili satu bahagian.

Oleh yang demikian, pembelian daging di pasar **tidak sah** dijadikan ibadat korban.

**SOALAN 5: *Seorang pemilik binatang korban menentukan salah seekor daripada binatang peliharaannya itu untuk dijadikan korban. Apakah kesan tindakan tersebut?***

Hal yang demikian termasuk dalam kategori korban wajib. Oleh itu;

- (a) Binatang yang telah ditentukan (تعيين) itu hendaklah dijadikan ibadah korban walau dalam apa jua keadaan sekalipun.
- (b) Bagaimanapun, orang yang mengerjakan ibadah korban tersebut **tidak boleh** memakannya walau sedikit daripada daging korban tersebut.

Bagaimanapun, jika pemilik haiwan tersebut berkata; “Haiwan ini akan dijadikan korban sunat saya pada raya nanti” maka ia menjadi ibadah korban sunat.

**SOALAN 6: *Bagaimanakah peserta korban wajib / korban nazar boleh memakan daging korban tersebut?***

Peserta korban wajib / korban nazar boleh memakan daging korban berkenaan dengan syarat semua daging tersebut disedekahkan kepada seseorang dan orang yang menerima daging itu memberi semula sebahagian daging yang diterimanya kepada pemilik asal ibadah korban tersebut. Dalam hal ini, orang yang melaksanakan ibadah korban wajib / korban nazar harus memakannya.

**SOALAN 7: *Antara korban dan aqiqah, yang manakah perlu diberi keutamaan?***

Lebih afdhal untuk melaksanakan kedua-dua ibadah korban dan aqiqah secara serentak (contohnya 1 bahagian untuk korban dan 1 bahagian untuk aqiqah) sekiranya seseorang berkemampuan dan mempunyai lebih perbelanjaan bagi 4 hari (1 hari Nahar dan 3 hari Tasyriq). Bagaimanapun, jika kurang berkemampuan maka ibadah korban lebih kuat tuntutan syariatnya berbanding aqiqah kerana hukum ibadah korban adalah sunat yang lebih muakkad dan disebut dengan jelas dalam al-Quran berdasarkan firmanNya;

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرِ<sup>2</sup>

Maksudnya; *Oleh itu, kerjakanlah solat kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban (sebagai tanda syukur).*

Perkara tersebut turut disarankan oleh Baginda Rasulullah ﷺ;

عن عائشة أن رسول الله ﷺ قال ما عمل آدمي من عمل يوم النحر أحب إلى الله من إهراق الدم إنها لتأتي يوم القيامة بقرونها وأشعارها وأظلافها وأن الدم ليقع من الله

بمكان قبل أن يقع من الأرض فطيبوا بها نفس.<sup>3</sup>

Maksudnya; Rasulullah ﷺ bersabda; “Tiada amalan anak Adam yang lebih dicintai Allah ﷻ pada hari Nahar daripada menumpah darah binatang korban kerana ia akan didatangi pada hari kiamat bersama tanduk, bulu, dan kukunya. Pahala korban terlebih dahulu sampai kepada Allah ﷻ sebelum darah haiwan sembelihan jatuh ke tanah. Maka hiasilah diri kalian dengan ikhlas dan suci hati kerana Allah ﷻ semata-mata.

Dari sudut yang lain, tempoh pelaksanaan ibadah korban hanya terhad pada 4 hari khusus tersebut sahaja berbanding aqiqah lebih panjang tempoh masa untuk melaksanakannya.

**SOALAN 8:** *Adakah bahagian haiwan korban selain daripada daging seperti kulit dan tanduk lembu boleh dijual oleh peserta korban?*

Bahagian haiwan korban selain daripada daging seperti kulit dan tanduk **lembu tidak boleh dijual** oleh peserta korban. Bagaimanapun, mereka boleh menghibahkannya kepada mana-mana orang Islam dan terpulang kepada mereka samada untuk menjual atau mengambil manfaat daripadanya.

**SOALAN 9:** *Apakah hukum sekiranya pemilik daging korban langsung tidak mendedekahkan daging mentah tetapi dijadikan kenduri sahaja?*

Salah satu daripada syarat sah ibadah korban hendaklah disedekahkan sebahagian daging korban secara mentah. Sekiranya pemilik korban langsung tidak berbuat demikian, maka dia hendaklah membeli daging yang lain sebagai ganti untuk disedekahkan dengan kadar timbangan yang *afdhal* iaitu sekurang-kurangnya satu (1) رطل بغدادى (Rithal Baghdad) bersamaan 408 gram.

**TARIKH KEPUTUSAN : 26 JULAI 2020**